

Keyakinan perniagaan meningkat S4 2023

PETALING JAYA: Keyakinan perniagaan meningkat 0.7 peratus kepada 3.2 peratus pada suku tahun keempat (S4 2023) daripada suku sebelumnya dengan peniaga menjangkakan suasana perniagaan yang lebih baik pada suku berkenaan, menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, perkhidmatan, industri dan pembinaan adalah tiga sektor yang menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik pada suku tahun berkenaan.

Beliau berkata, keyakinan perniagaan bagi sektor perkhidmatan kekal pada trajektori positif, dengan petunjuk keyakinan meningkat kepada 6.3 peratus daripada 6.1 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Katanya, sektor Industri terus optimis terhadap prestasi perniagaan, dengan petunjuk keyakinan 4.0 peratus bagi suku tahun yang sama berbanding 1.3 peratus pada suku tahun ketiga 2023.

“Pada masa yang sama sentimen dalam sektor Pembinaan meningkat kepada trajektori positif buat pertama kalinya semenjak suku tahun pertama 2018 dengan catatan +1.7 per-

tus berbanding -26.9 peratus pada suku tahun ketiga 2023.

“Walau bagaimanapun, perniagaan dalam sektor Perdagangan Borong dan Runcit menjangkakan prospek perniagaan yang pesimistik, dengan petunjuk keyakinan sebanyak -3.6 peratus pada suku tahun keempat 2023 berbanding -1.5 peratus pada suku tahun sebelumnya,” katanya dalam kenyataan.

Mohd. Uzir berkata, melihat hadapan, sektor perniagaan dijangka kekal rancak bagi tempoh Oktober 2023 hingga Mac 2024, walaupun menyederhana, dengan imbalan bersih 9.8 peratus berbanding 13.9 peratus sebelumnya, disokong oleh kesemua sektor positif kecuali perdagangan borong dan runcit.

Kata beliau, sentimen dalam sektor Perkhidmatan kekal positif, dengan imbalan bersih +19.0 peratus.

“Bagi enam bulan mendatang, kesemua subsektor di bawah sektor Perkhidmatan menjangkakan persekitaran perniagaan yang positif. Sektor Industri juga meramalkan prospek perniagaan yang lebih cerah, dengan imbalan bersih 7.5 peratus bagi tempoh Oktober 2023 hingga Mac 2024,” katanya.